Pendakwa Raya lwn Mohd Noor bin Yusof

MAHKAMAH TINGGI (TAIPING) — RAYUAN JENAYAH NO 42–1 TAHUN 2004
ZAKARIA SAM J
30 NOVEMBER 2007

Acara Jenayah — Rakan sejenayah — Sama ada saksi adalah rakan sejenayah — Tertuduh memulakan inisiatif meminta rasuah dari pengadu — Sama ada pengadu adalah rakan sejenayah

Undang-Undang Jenayah — Rasuah — Menerima suapan — Kelewatan pihak BPR membuat tangkapan selepas wang suapan diserahkan — Sama kelewatan menimbulkan keraguan tertuduh menerima wang suapan — Akta Pencegahan Rasuah 1997 s 11(a)

Undang-Undang Keterangan — Pembuktian — Menerima suapan — Wang suapan dijumpai di dalam motorvan dan bukan pada badan tertuduh — Akses atas motorvan oleh orang lain — Sama ada keterangan membuktikan tertuduh telah menerima wang suapan

Tertuduh, sebagai seorang Pegawai Petempatan yang bertugas di Pejabat Daerah dan Tanah, Larut Matang, Taiping telah dituduh secara rasuah menyetujuterima untuk diri sendiri suatu suapan, iaitu, wang tunai sebanyak RM1,000 daripada SP4, sebagai upah untuk menyokong permohonan sambungan permit pasir, iaitu suatu kesalahan di bawah s 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997. SP4, iaitu pengadu adalah seorang kontraktor jual/beli pasir. Dalam bulan Mei 1999, SP2 telah membual suatu perjanjian dengan Tan Cheok Luan di mana SP2 memajak permit pasirnya kepada Tan Cheok Luan. Bagaimanapun kerja-kerja pengeluaran pasir diuruskan oleh SP4. Pada 22 November 2000 SP2 telah memohon melalui P7A dan P7B untuk membaharui permit pasir sungai bagi tempoh tiga bulan mulai dari 1 Januari 2001 hingga 31 Mac 2001. Pada 23 November 2000 fail berkenaan permohonan tersebut telah dikemukakan kepada tertuduh untuk membuat laporan sokongan.

Dalam bulan Disember tahun 2000, tertuduh dikatakan telah menelefon SP4 memberitahunya bahawa permit pasir akan tamat dan beliau akan buat surat sokongan untuk memperbaharuinya. Tertuduh seterusnya meminta wang kopi dari SP4 untuk buat surat sokongan itu tetapi tertuduh tidak menyebut

jumlah wang kopi yang dikehendakinya. SP4 menawarkan RM200 hingga RM300 tetapi tertuduh menolak dengan alasan 'duit itu kanak-kanak beli gula-gula pun tidak cukup'. Seterusnya SP4 menawarkan RM500 tetapi tertuduh meminta SP4 datang ke rumahnya pada sebelah petang pada hari yang sama untuk berbincang lagi. Pada sebelah petang hari yang sama SP4 telah menemui tertuduh di rumah tertuduh di Simpang, Taiping dan dalam pertemuan ini SP4 sekali lagi menawarkan RM500 tetapi tertuduh menyuruh SP4 supaya menunggu permit dahulu. Pada 4 Januari 2001 SP4 telah membuat repot rasuah terhadap tertuduh di pejabat BPR.

Pada 10 Januari 2001 tertuduh menelefon SP4 dan memberitahu SP4 yang beliau telah membuat surat sokongan bagi permit pasir dan meminta wang sebanyak RM1,000. SP4 minta jumlah tersebut dikurangkan tetapi tertuduh menjawab jika tidak cukup RM1,000 tidak payah melanjutkan permit. Tertuduh juga mengarahkan bahawa wang RM1,000 itu diserahkan kepadanya di rumahnya pada keesokan harinya. Pada 11 Januari 2001, SP4 telah menyerahkan wang perangkap bertanda RM1,000 seperti yang diminta oleh tertuduh di rumah tertuduh. Pada 12 Januari 2001 permit pasir seperti yang dipohon telah diluluskan. Seterusnya satu pasukan pegawai-pegawai BPR yang diketuai dari SP7 telah pergi ke rumah tertuduh pada 12 Januari 2001 dan tertuduh telah ditahan. Wang perangkap RM1,000 telah ditemui dalam motorvan yang terletak dalam kawasan berpagar rumahnya. Tertuduh minta dibicarakan atas pertuduhan terhadapnya. Di akhir kes pembelaan, hakim perbicaraan telah melepas dan membebaskan tertuduh dari pertuduhan. Pihak pendakwaan merayu terhadap keputusan tersebut.

Antara isu-isu kes adalah: (1) sama ada hakim perbicaraan adalah betul dalam meragui yang tertuduh telah menerima wang suapan kerana tangkapan hanya dibuat pada 12 Januari 2001 dan tidak pada hari serahan wang suapan dibuat (11 Januari 2001); (2) hakim perbicaraan betul dalam mempersoalkan siapakah yang meletakkan wang suapan dalam motorvan dan siapa yang ada akses atas motorvan tersebut; (3) isu wang perangkap tidak ditemui dari tertuduh tetapi dari motorvan; dan (4) sama ada SP4 adalah seorang rakan sejenayah.

Diputuskan, membenarkan rayuan pendakwaan dan menjatuhkan hukuman 18 bulan penjara dan denda RM5,000 atau enam bulan penjar:

(1) Tiada undang-undang yang mengatakan tangkapan perlu dibuat sebaik sahaja wang suapan diserahkan. Bilakah sesuatu tangkapan itu wajar dilakukan bergantung kepada keadaan sesuatu kes. Di sini hakim perbicaraan telah gagal menimbangkan keterangan SP11 (pegawai penyelia kes) yang telah mengarahkan pegawai-pegawainya supaya tidak membuat tangkapan walaupun wang suapan telah diserahkan sehingga permit mengeluarkan pasir dikeluarkan kepada pengadu (SP4).

Ini menurutnya bagi menguatkan lagi kes pendakwaan bahawa permit hanya dikeluarkan setelah wang suapan dibayar. Juga untuk mengelakkan permit SP4 tidak ditahan oleh tertuduh. Melihat kepada keseluruhan fakta kes ini, tidak ada cacat celanya atas tindakan pegawai BPR membuat tangkapan sehari selepas wang suapan diserahkan (lihat perenggan 43, 44 & 57).

(2) Keterangan isteri tertuduh (SP15) bahawa ada dua lelaki Cina yang mendapat akses atas motorvan itu dan mungkin mereka yang telah meletakkan wang perangkap dalam motorvan tersebut hanyalah rekaan SP15 untuk membantu suaminya terlepas dari pertuduhan. Keterangan pendakwaan juga menunjukkan tertuduh yang mengeluarkan wang perangkap yang tersimpan di dalam pouch yang diletakkan di sunshield dalam motorvan. Ini menunjukkan bahawa tertuduh yang menerima wang suapan dan menyimpannya di situ (lihat perenggan 61–62).

(3) Tiada undang-undang yang menetapkan bahawa wang suapan mesti dijumpai dari tertuduh baru tertuduh boleh didapati bersalah. Apa yang perlu dibuktikan ialah sama ada seorang tertuduh telah menerima wang suapan. Tanpa ditunjukkan oleh tertuduh wang perangkap itu tidak akan ditemui dari motorvan tertuduh. Hanya tertuduh sahaja yang mengetahui wang perangkap itu diletakkan di sunshield motorvannya kerana beliau yang menyimpannya di situ (lihat perenggan 63 & 68).

(4) Jelas di sini tertuduh yang memulakan inisiatif meminta rasuah dan bukannya SP4. Oleh itu SP4 tidak boleh diangap sebagai saksi yang tidak boleh dipercayai. Sekiranya SP4 mahu dianggap sebagai rakan sejenayah, apa yang jelas keterangan beliau telah disokong secukupnya oleh keterangan bebas yang lain (lihat perenggan 71–72).

[English summary

The accused, as one of the Location Officer employed at District and Land Office, Larut Matang, Taiping was charged with corruption where he agreed to accept for himself a bribery, ie, RM1,000 cash from SP4, being gift for recommending his extension application for sand permit, an offence under s 11(a) Anti-Corruption Act 1997. SP4, the complainant was a contractor who bought/sold sand. In May 1999, SP2 had entered into an agreement with Tan Cheok Luan wherein SP2 had leased his sand permit to Tan Cheok Luan. However, the work for extraction of sand was managed by SP4. On 22 November 2000 SP2 applied via P7A and P7B for renewal of river sand permit for the period of three months with effect from 1 January 2001 until 31 March 2001. On 23 November 2000 the said file pertaining to the applications was provided to the accused for his recommendation report.

In December 2002, the accused was alleged to call SP4 to inform him that the sand permit will be expiring soon and he made a recommendation letter

for renewal. The accused later requested for coffee money from SP4 for the recommendation letter but the accused did not mention about his desired coffee money. SP4 offered between RM200 to RM300 but it was rejected by the accused saying that 'the money was not even sufficient for a child to buy candy'. Thereafter SP4 offered RM500 but the accused requested him to drop by into his house later in the afternoon on the same day whereby SP4 went to the accused's house in Simpang, Taiping and during the meeting SP4 once again offered RM500 but the accused requested SP4 to wait for the permit first. On 4 January 2001 SP4 lodged a corruption report against the accused at ACA office.

On 10 January 2001 the accused rang SP4 and told SP4 that he had made the recommendation letter for the sand permit and requested a sum of RM1,000. SP4 asked for the said sum to be reduced but the accused replied if there was no sum of RM1,000 then don't even think for renewal of permit. The accused also instructed that the sum of RM1,000 to be handed over to him at his house on the very next day. On 11 January 2001, SP4 had deliver the trap money marked as RM1,000 as requested by the accused at his house. On 12 January 2001 a permit he applied was approved. Then a team of ACA officers led by SP7 went to the accused's house on 12 January 2001 and arrested the accused. The trap money of RM1,000 was found in motorvan parked in the gated area of his house. The accused claimed for trial to charges framed against him. At the end of defence case, the trial judge had discharged and acquitted the accused from charges. The prosecution appealed against the said decision.

Among the issues of the case were: (1) whether trial judge was right in doubting the accused who had accepted the bribe money because the arrest was made on 12 January 2001 and not on the delivery day of bribe money (11 January 2001); (2) trial judge was right in questioning who placed the bribe money in the motorvan and who had access to the said motorvan; (3) the issue of trap money was not found from the accused but from the motorvan; and (4) whether SP4 was one of the partner in crime.

Held, allowing prosecution's appeal and sentencing 18 months imprisonment and fine for RM5,000 or six months imprisonment:

(1) The law does not state that an arrest should be made immediately after the bribe money is delivered. When an arrest is appropriate should depend on the circumstances of each case. Here the trial judge had failed to consider evidence of SP11 (the case co-ordinator officer) who ordered his officers not to make an arrest even when the bribe money was delivered until a permit was first issued to the complainant (SP4). This according to him would strengthened the prosecution's case that the permit should only be issued after payment of the bribe money.

This was also to avoid SP4's permit being held by the accused. Based on the overall facts of the case, there was no defect on the ACA officer's action in making the an arrest a day after delivery of bribe money (see paras 43, 44 & 57)

(2) The testimony of the accused's wife (SP15) that there were two Chinese men who had access to the motorvan and most likely they were the culprit who had placed the bribed money in the said motorvan was only the SP15's fiction to assist her husband in avoiding the charge. Evidence by the prosecution also showed that the accused took out the bribe money kept in the pouch which was placed at sunshield in the motorvan. This showed that the accused had accepted the bribe money and kept it there (see paras 61–62).

(3) Nothing in the law states that the bribe money must be found from accused so that the accused could be found guilty. What has to be proven was whether an accused had accepted the bribed money. Had the accused not pointed that bribed money it will never be found in the motorvan. Only the accused knew about the trap money which was put at sunshield of his motorvan because he was the one who kept it there (see paras 63 & 68).

(4) It was clear here that the accused started the initiative to ask for the bribe and not SP4. Therefore SP4 could not be considered a hostile witness. If SP4 was considered as a partner in crime, it should be clear that his evidence was sufficiently supported by the individual evidence of the other witnesses (see paras 71–72).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai menerima suapan, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 84–87.

Untuk kes-kes mengenai kes rasuah, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 388–389.

Untuk kes-kes mengenai sama ada saksi adalah rakan sejenayah, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 16.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Hamid bin Mohamed v PP [1953]19 MLJ 26 (refd)
Attan bin Abdul Ghani v PP [1970] 2 MLJ 143 (refd)
Che Din bin Ahmad v PP [1976] 1 MLJ 289 (refd)
Ku Yahya Ku Bahari & Anor v PP [1999] MLJU 731 (refd)
PP v Ku Yahya Ku Bahari & Anor [2002]1 CLJ 113 (refd)
PP v Ling Tee Huah [1982] 2 MLJ 324 (refd)
PP v Yuvaraj [1969]2 MLJ 89 (refd)
Thavanathan Balasubramaniam v PP [1997] 2 MLJ 401 (refd)
Yassin bin Bachik lwn PR [1994] MLJU 134 (refd)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pencegahan Rasuah 1997 ss 11(a), 42

Kamal Bahrin bin Omar (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak perayu.
Naran Singh (Naran Singh & Co) bagi pihak responden.

Zakaria Sam J:

[1] Pertuduhan terhadap responden/tertuduh (selepas ini dirujuk sebagai tertuduh) adalah seperti berikut:-

> Bahawa kamu pada 11 Januari 2001 jam lebih kurang 1.15 tengahari di sebuah rumah Nombor 1, Lorong 79, Taman Mawar, Simpang, Taiping, di dalam Daerah Larut Matang, di dalam Negeri Perak, sebagai seorang ejen kerajaan Negeri Perak, iaitu Pegawai Petempatan (Gred N9) yang bertugas di Pejabat Daerah dan Tanah, Larut Matang, Taiping telah secara rasuah menyetujuterima untuk diri kamu sendiri suatu suapan, iaitu, wang tunai sebanyak RM1,000 daripada Oon Koo Suan, sebagai upah untuk melakukan sesuatu perbuatan yang berhubung dengan hal ehwal principal kamu, iaitu, bagi menyokong permohonan sambungan permit Mengambil Bahan-Bahan Batu atas nama Puteh bin Ishak dan Rakan-Rakan, dan dengan itu kamu teiah melakukan suatu kesalahan di bawah s 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Undang-Undang Malaysia Akta No. 575) yang mana boleh dihukum di bawah seksyen 16 Akta yang sama.

[2] tertuduh minta dibicarakan. Diakhir kes pembelaan hakim perbicaraan telah melepas dan membebaskan tertuduh dari pertuduhan. Ini adalah rayuan pihak pendakwaan terhadap keputusan tersebut.

KES PENDAKWAAN

[3] Secara ringkas keterangan oleh pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

[4] Menurut SP3 (Ketua Penolong Pegawai Daerah), Pejabat Daerah Taiping tertuduh adalah seorang Pegawai Petempatan yang bertugas di Unit Pelupusan, Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang, Taiping. Unit Pelupusan adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan permit pasir. Pemohon permit pasir perlu memohon melalui Borang jadual 1 A. Setelah permohonan diterima, satu fail akan dibuka di Unit Pelupusan dan fail tersebut diedarkan kepada Pegawai Petempatan untuk melawat dan memeriksa kawasan yang dipohon dan seterusnya buat perakuan. Setelah melawat kawasan Pegawai Petempatan akan mengembalikan fail berkenaan bersama perakuan beliau kepada Ketua Penolong Pegawai Daerah untuk kelulusan. Jika tiada halangan dari Pegawai Petempatan, maka Ketua

Penolong Pegawai Daerah akan meluluskan permit pasir. Biasanya permit pasir dikeluarkan bagi tempoh tiga bulan atau enam bulan. Jika seorang pemegang permit ingin memperbaharui permit pasir, beliau dikehendaki memohon sekali lagi melalui Borang Jadual AT. Prosedur yang sama seperti tersebut di atas akan disusuli. Tugas sebenar Pegawai Petempatan di tapak kawasan yang dipohon untuk sambung permit ialah untuk mengesahkan bahawa masih lagi ada pasir di situ dan menentukan tiada sebarang aduan dari pemohon yang lain. Jika Pegawai Petempatan tidak mengembalikan fail kepada Ketua Penolong Pegawai daerah, maka permohonan permit tidak akan diluluskan.

[5] SP2 adalah pemegang permit pasir sungai di tapak Sungai Sepetang, Mukim Assam Kumbang sejak 1 Januari 1999.

[6] SP4 iaitu pengadu dalam kes ini pula adalah seorang kontraktor jual/beli pasir. Beliau menjalankan pemiagaan ini bersama bapa dan seorang rakan kongsi yang bernama Tan Cheok Luan.

[7] Dalam bulan Mei 1999, SP2 telah membual suatu perjanjian ('P6') dengan Tan Cheok Luan dimana SP2 memajak permit pasirnya kepada Tan Cheok Luan. Bagaimanapun kerja-kerja pengeluaran pasir diuruskan oleh SP4.

[8] Pada 22 November 2000 SP2 telah memohon melalui P7A dan P7B untuk membaharui permit pasir sungai bagi tempoh tiga bulan mulai dari 1 Januari 2001 hingga 31 Mac 2001. Permit pasir yang terdahulu akan berakhir pada 31 Disember 2000. Pada 23 November 2000 fail berkenaan ('PIT') telah dikemukakan kepada tertuduh untuk membuat laporan sokongan.

[9] Dalam pertengahan bulan Disember tahun 2000, SP2 telah membawa tertuduh ke tapak pengeluaran pasir di Sungai Sepetang dan memperkenalkan tertuduh kepada SP4. tertuduh memberitahu SP4 bahawa beliau adalah pegawai yang bertanggungjawab menjaga kawasan itu danmeminta SP4 berjumpa dengannya sekiranya ada apa-apa masalah. Seterusnya tertuduh memberi nombor telefon rumah dan pejabatnya kepada SP4. SP4 juga telah memberi nombor telefon bimbitnya kepada tertuduh.

[10] Seminggu kemudian tertuduh telah menelefon SP4 memberitahunya bahawa permit pasir akan tamat dan beliau akan buat surat sokongan untuk memperbaharuinya. tertuduh seterusnya meminta wang kopi dari SP4 untuk buat surat sokongan itu tetapi tertuduh tidak menyebut jumlah wang kopi yang dikehendakinya. SP4 menawarkan RM200 hingga RM300 tetapi tertuduh menolak dengan alasan 'duit itu kanak-kanak beli gula-gula pun

tidak cukup'. Seterusnya SP4 menawarkan RM500 tetapi tertuduh meminta SP4 datang ke rumahnya pada sebelah petang pada hari yang sama untuk berbincang lagi.

[11] Pada sebelah petang hari yang sama SP4 telah menemui tertuduh di rumah tertuduh di Simpang, Taiping dan dalam pertemuan ini SP4 sekali lagi menawarkan RM500 tetapi tertuduh menyuruh SP4 supaya menunggu permit dahulu.

[12] Pada 4 Januari 2001 SP4 pergi ke pejabat BPR Taiping dan membuat repot rasuah terhadap tertuduh ('P12') di pejabat BPR.

[13] Setelah menerima repot SP4 diserahkan kepada Mohd. Nor Hisham bin Abd. Raffar ('SP14'). Atas arahan SP14, SP4 menghubungi tertuduh melalui telefon dan bertanya sama ada permit pasir sudah siap atau tidak. tertuduh memberitahu SP4 permit belum dibuat lagi dan meminta SP4 datang menemuinya pada hari Isnin (8 Januari 2001).

[14] Pada 8 Januari 2001 atas arahan SP14, sekali lagi SP4 menghubungi tertuduh melalui telefon dan bertanya tentang permitnya. tertuduh memberitahu permit belum dibuat lagi dan'meminta SP4 datang menemuinya di rumahnya pada sebelah petang hari yang sama untuk bincang hal permit.

[15] Atas arahan Penguasa Azam bin Baki ('SP11'), SP4 dan SP8 (Encik Teoh, Pegawai BPR) yang menyamar sebagai bapa saudara kepada SP4 telah pergi menemui tertuduh di rumahnya di No 1, Lorong 19, Taman Mawar, Simpang dengan wang perangkap RM350. SP4 diarahkan hanya menyerahkan wang perangkap RM350 kepada tertuduh, jika tertuduh minta. Dalam pertemuan ini tertuduh masih lagi berkata permit belum dibuat lagi. Bila SP4 berkata beliau ada membawa duit, tertuduh menyuruh SP4 tunggu dahulu dan minta SP4 supaya berjumpanya di rumah pada hari Jumaat (12 Januari 2001).

[16] Pada 9 Januari 2001 tertuduh mengemukakan fail (P11) kepada SP3 dengan cadangan supaya permit baru dikeluarkan kepada SP2 dengan syarat-syarat yang biasa. Cadangan tertuduh ini diminitkan di dalam kertas minit (P11A) dalam fail berkenaan. Pada hari yang sama SP3 meluluskan permit bagi SP2 bagi 30,000 tan pasir bagi tempoh enam bulan. Kelulusan SP3 diminitkan di dalam kertas minit ('P11B').

[17] Pada keesokan harinya (10 Januari 2001) jam lebih kurang 11 pagi tertuduh menelefon SP4 dan memberitahu SP4 yang beliau telah membuat surat sokongan bagi permit pasir dan minta wang sebanyak RM1,000.

SP4 minta jumlah tersebut dikurangkan tetapi tertuduh menjawab jika tidak cukup RM1,000 tidak payah melanjutkan permit. Tertuduh juga mengarahkan bahawa wang RM1,000 itu diserahkan kepadanya di rumahnya pada keesokan harinya (11 Januari 2001). Pada sebelah petangnya sekali lagi tertuduh menelefon SP4 mengarahkan SP4 membawa wang tunai bukannya cek pada 11 Januari 2001. Tertuduh juga mengarahkan SP4 supaya jangan membawa sesiapa lagi bersamanya pada 11 Januari 2001.

[18] Pada 11 Januari 2001 pagi SP4 menghadiri satu taklimat di Pejabat BPR Taiping. Dalam taklimat itu SP11 mengarahkan SP4 menyerahkan wang bertanda RM1,000 (P14A–R dan P15A–J) kepada tertuduh jika diminta olehnya. SP11 juga memberi arahan kepada pegawai-pegawai BPR supaya memerhatikan sahaja transaksi dan tidak membuat tangkapan walaupun wang perangkap telah diserahkan. Tangkapan hanya akan dibuat selepas permit pasir dikeluarkan. Ini menurut SP11 adalah untuk mengelakkan permit pasir ditahan oleh pihak pejabat Tanah Larut Matang sekiranya tangkapan dibuat terlebih dahulu.

[19] Seterusnya SP4 seorang diri pergi ke rumah tertuduh dengan menaiki lorinya dan diikuti oleh SP6, SP7, SP11 dan SP13 ('pegawai-pegawai BPR') dalam sebuah kenderaan yang lain.

[20] SP4 telah berjumpa tertuduh di dalam halaman rumah tertuduh. SP4 bertanya tertuduh mengenai permit pasir dan tertuduh menjawab beliau sudah buat. SP4 bertanya lagi bila permit boleh siap dan tertuduh menjawabdalam sehari dua. SP4 bertanya tentang bayaran dan tertuduh suruh serahkan wang kepada beliau. SP4 menyerahkan wang bertanda RM1,000 kepada tertuduh satu persatu, semuanya 18 keping (10 keping nota RM10 dan 18 keping nota RM50). Penyerahan wang ini disaksikan oleh SP6 yang menyamar sebagai jurujual yang berjalan kaki di hadapan rumah tertuduh pada ketika itu untuk melihat transaksi dengan lebih dekat. Selepas menyerahkan wang perangkap kepada tertuduh SP4 beredar dari situ.

[21] Pada hari yang sama, iaitu, 11 Januari 2001 SP3 menandatangani surat kelulusan permit ('P8') kepada SP2.

[22] Pada 12 Januari 2001 SP4 menelefon SP2 dan menyuruhnya ke Pejabat Daerah dan bertanya sama ada permit pasir telah dibaharui atau tidak. Pada di sebelah petangnya SP2 telah memberitahu SP4 bahawa permit pasir ('P9') telah diluluskan. SP4 memaklumkan perkara ini kepada SP8 melalui telefon.

[23] Seterusnya satu pasukan pegawai-pegawai BPR yang diketuai dari SP7 telah pergi ke rumah tertuduh pada 12 Januari 2001 jam lebih kurang

7 malam dan menemui tertuduh dan isterinya ('SP15'). SP7 memperkenalkan dirinya pegawai BPR dan bertanya tertuduh mana wang RM1,000 yang tertuduh terima kelmarin dari SP4. Mula-mula tertuduh menafikan menerima apa-apa wang tetapi setelah ditanya berulang kali akhirnya tertuduh mengaku ada menerima wang dari seorang kawannya bagi tujuan untuk membiayai persekolahan anak-anaknya. Kemudian tertuduh mengambil kunci motorvan dari isterinya dan membawa pegawai-pegawai BPR ke motorvannya nombor JCN 3191 yang terletak dalam kawasan berpagar rumahnya. tertuduh membuka pintu motorvan disebelah pemandu dan mengambil satu beg cermin mata ('PI7') dari pelindung cahaya matahari (sunshield). tertuduh kemudian membuka PI7 dan SP7 nampak ada wang kertas RM50 dan RM10 yang kemudiannya disahkan wang perangkap berjumlah RM1,000 yang telah dibekalkan kepada SP4 untuk diserahkan kepada tertuduh. tertuduh ditangkap.

[24] Motorvan nombor JCN 3191 adalah didaftarkan atas nama SP10 dan beliau telah menjualkan motorvan tersebut kepada tertuduh pada 2 Mac 1999. Walau bagaimanapun tertuduh tidak melakukan pindahmilik pendaftaran van kepada namanya. Fakta ini tidak dipertikaikan oleh tertuduh.

[25] Dari keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah amat jelas bahawa tertuduh telah meminta dan menerima wang rasuah sebanyak RM1,000 dari SP4 untuk menyokong permohonan sambung permit SP2.

[26] Semua saksi-saksi pendakwaan kecuali OKT ('SP15') telah memberi keterangan yang cogent dan konsisten. Keterangan mereka khususnya keterangan SP4 tidak tergugat (unshaken) dalam pemeriksaan balas oleh peguambela yang bijaksana. Berdasarkan kepada keterangan di atas hakim perbicaraan telah memutuskan:

> Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan intipati yang diperlukan di bawah s 11 (a) Akta pencegah Rasuah bahawa:
>
> (a) OKT seorang ejen; dan
>
> (b) Beliau menyerahterima (menerima suatu suapan).

Dan memerintah tertuduh membela diri. Keputusan beliau adalah tepat.

[27] Dari nada keputusan hakim perbicaraan adalah jelas bahawa beliau telah menggunapakai andaian (presumption) di bawah s 42 Akta Pencegahan Rasuah 1997 ('APR') bahwa wang itu diterima secara rasuah. Dengan itu

beban adalah atas bahu pembelaan untuk menyangkal (rebut) andaian ini atas imbangan kebarangkalian.

KES PEMBELAAN

[28] Tertuduh telah memberi keterangan bahawa tugas beliau dalam urusan sambung permit pasir ialah menyediakan laporan tanah untuk pastikan sama ada kuantiti pasir di dalam sungai tersebut masih boleh diambil atau tidak berpandukan pada cetek atau dalamnya sungai tersebut.

[29] Aliran sungai sekiranya dalam, pasir tidak boleh dikorek lagi. Tetapi sekiranya pasir masih lagi kelihatan timbul dan menyekat aliran sungai bermakna pasir masih boleh diambil. tertuduh juga bersetuju bahawa beliau hanya perlu melihat sungai dan seterusnya boleh buat laporan sama ada pasir boleh diambil atau tidak.

[30] Bagaimanapun menurut tertuduh beliau tidak dapat menyediakan laporan tersebut lebih awal kerana sibuk dengan tugas hariannya seperti menyediakan laporan SKT dan mengeluarkan hak milik geran.

[31] Selain itu untuk menangkis kes pendakwaan tertuduh telah mengatakan:-

(i) Beliau tidak menelefon SP4 pada hujung bulan Disember 2000 meminta wang rasuah untuk menyediakan laporan permit pasir;

(ii) Beliau tidak ada memberitahu SP4 bahawa wang RM200–RM300 yang ditawarkan oleh SP4 'kanak-kanak membeli gula-gula pun tidak cukup';

(iii) Beliau tidak meminta SP4 datang ke rumahnya pada petang hari itu untuk bincang hal permit pasir apabila SP4 tawarkan wang rasuah sebanyak RM500;

(iv) Beliau tidak ada memberi alamat atau nombor telefon rumahnya kepada SP4;

(v) Beliau tidak ada meminta SP4 datang berjumpa di rumahnya untuk bincang hal permit semasa SP4 menelefonnya pada 8 Januari 2001;

(vi) Pada 8 Januari 2001 apabila Encik Oon dan SP8 ('Pegawai BPR') datang ke rumahnya, beiiau tidak ada menyuruh SP4 datang ke rumahnya pada hari Jumaat 12 Januari 2001;

(vii) Beliau tidak ada menelefon SP4 pada 10 Januari 2001 jam 11 pagi dan beritahunya bahawa beliau telah menyediakan laporan dan minta SP4 membawa wang RM1,000 ke rumahnya pada 11 Januari 2001;

(viii) Beliau tidak ada menelefon SP4 pada 10 Januari 2001 jam 3.30 petang dan meminta SP4 membawa wang tunai RM1,000, bukan cek dan jangan membawa sesiapa bersamanya ke rumahnya pada 11 Januari 2001;

(ix) Beliau tidak menerima wang RM1,000 dari SP4 pada 11 Januari 2001 jam 1.15 tengahari di rumahnya sebagai suapan untuk menyokong sambung permit SP2;

(x) Pada 12 Januari 2001 jam lebih kurang 6.40 petang semasa pegawai-pegawai BPR datang ke rumahnya, beliau tidak membuka motorvan JCN 3191, beliau tidak ada mengambil beg cermin mata yang mengandungi wang perangkap RM1,000 dari pelindung cahaya matahari motorvan tersebut, dan beliau tidak ada menyerahkan beg tersebut kepada pegawai BPR.

[32] Selepas mendengar kes pembelaan hakim perbicaraan telah memutuskan:

> Mahkamah berpuas hati tertuduh telah berjaya menimbulkan satu keraguan yang munasabah di dalam kes pendakwaan. Oleh itu beliau dilepaskan dan dibebaskan terhadap pertuduhan.

[33] Secara ringkasnya hakim perbicaraan membuat keputusan tersebut berdasarkan alasan-alasan berikut:

(i) Sekiranya benar wang suapan sebanyak RM1,000 telah diserahkan kepada tertuduh pada 11 Januari 2001 kenapa tertuduh tidak ditangkap sebaik sahaja serahan dibuat. Kenapa perlu menunggu sehingga permit dikeluarkan baru tertuduh ditangkap. Menurut beliau ini menimbulkan keraguan sama ada wang suapan yang dikatakan telah diterima oleh tertuduh adakah benar-benar untuk melanjutkan permit atau sebaliknya.

(ii) BPR boleh membuat tangkapan serta merta setelah tertuduh menerima wang suapan sekiranya tertuduh benar-benar telah melakukan rasuah.

(iii) Wang telah diserahkan kepada tertuduh pada 11 Januari 2001 jam lebih kurang 1.15 tengahari tetapi wang hanya ditemui pada 12 Januari 2001 jam 6.40 petang. Dalam tempoh 28 jam itu berbagai-bagai perkara boleh berlaku.

(iv) Siapa yang meletakkan wang suapan itu di dalam motorvan dan siapa yang ada akses atas motorvan tersebut.

(v) Kunci motorvan terdapat duplicate dan motorvan itu boleh dimasuki oleh sesiapa juga.

(vi) Menurut SP15 ('isteri tertuduh') dua orang lelaki yang beliau tidak kenali telah datang ke rumahnya untuk melihat motorvan tersebut. Beliau telah menyerahkan kunci motorvan tersebut kepada mereka kerana mereka mahu melihat motorvan tersebut. Beliau tidak mengiringi mereka ketika mereka memeriksa motorvan tersebut.

(vii) Wang perangkap RM1,000 telah dijumpai di bawah sunshield motorvan dan bukan pada tertuduh, (sila rujuk ms 351–353 Rekod Rayuan Mahkamah Sesyen).

ANALISA TERHADAP KEPUTUSAN HAKIM PERBICARAAN.

Beban Pembuktian Di Peringkat Pembelaan

[34] Melihat kepada alasan-alasan hakim perbicaraan ketika membebaskan tertuduh dari pertuduhan hakim perbicaraan dengan jelas telah menyanggah (contradicted) atau mempersoalkan keputusannya sendiri kerana ketika tertuduh dipanggil membela diri beliau telah pun memutuskan bahawa:

> Pihak pendakwaan telah berjaya membukfi intipati yang diperlukan di bawah s 11(a) Akta Pencegah Rasuah bahawa:
>
> (a) OKT seorang ejen, dan
>
> (b) Beliau menyerahterima (menerima suatu suapan)

tetapi kemudiannya meragui pula tertuduh telah menerima wang suapan tersebut. Jelas di sini hakim perbicaraan telah terkeliru di mana beliau telah membuat dua keputusan yang bercanggah pada satu masa. Setelah memutuskan tertuduh menerima wang suapan itu diperingkat pendakwaan, beliau memutuskan sebaliknya pula diperingkat pembelaan berdasarkan fakta-fakta yang sama.

[35] Kedua, hakim perbicaraan telah sekali lagi menyalaharahkan dirinya, apabila beliau memutuskan bahawa 'tertuduh telah berjaya menimbulkan satu keraguan yang munasabah di dalam kes pendakwaan' di akhir kes pembelaan.

[36] Undang-undang adalah jelas sekiranya pihak pendakwaan telah membuktikan suapan telah dibayar dan diterima oleh tertuduh andaian di bawah s 42(1) APR terpakai. Seksyen 42(1) APR memperuntukkan anggapan seperti berikut:

> Where in any proceedings against any person *for an offence under s* 10, *11*, 13, 14 or 15 *it is proved that any gratification has been accepted* or agreed to be accepted, obtained or attempted to be obtained, solicited, given or agreed to be given, promised or offered, by or to the accused, the gratification shall be presumed to

A have been corruptly accepted or agreed to be accepted, obtained or attempted to be obtained, solicited, given or agreed to be given, promised or offered as an inducement or a reward for or on account of the matters set out in the particulars of the offence, *unless the contrary is proved*, [emphasis added].

B **[37]** Beban yang terletak pada tertuduh untuk menyangkal anggapan ini adalah di atas imbangan kebarangkalian (on the balance of probabilities) bahawa suapan yang diterima bukanlah wang rasuah, lihat *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89. Ujian sama ada seseorang tertuduh itu berjaya menyangkal anggapan tersebut dalam pembelaannya telah diputuskan oleh
C Mahkamah Persekutuan dalam kes *Thavanathan Balasubramaniam v Public Prosecutor* [1997] 2 MLJ 401 bahawa:

It was for the accused to give an innocent explanation which the Court considered more likely than not that it was true, ie, on a balance of probabilities, the test
D applied in civil proceedings.

[38] Oleh itu apa yang perlu dibuktikan oleh tertuduh adalah penjelasan yang jujur di atas imbangan kebarangkalian bahawa wang tersebut tidak diterima secara rasuah.
E

[39] Beban untuk menyangkal anggapan di bawah s 42(1) APR adalah di atas imbangan kebarangkalian dimana adalah iebih berat dari menimbulkan keraguan yang munasabah, sepertimana telah diputuskan
F dalam kes *Ku Yahya Ku Bahari & Anor v Public Prosecutor* [1999] MLJU 731:

When the prosecution is minded in invoking the presumption then the particular burden of proof, as opposed to the general burden, shifts to the defence to rebut such presumption on a balance of probabilities. This from a defence point of view is heavier than the burden of casting a reasonable doubt, but is certainly lighter
G than the burden of the prosecution to prove beyond reasonable doubt.

[40] Keputusan ini telah diperakukan oleh Mahkamah Rayuan, lihat *Public Prosecutor v Ku Yahya Ku Bahari & Anor* [2002] 1 CLJ 113.

H

[41] Apabila hakim perbicaraan meletakkan beban pembelaan yang salah, bermakna beliau juga telah tersqlah arah dirinya sama ada tertuduh telah berjaya menjawab atau menyangkal kes pendakwaan di atas imbangan kebarangkalian iaitu suatu beban yang lebih tinggi dari menimbulkan
I keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

[42] Untuk menjawab persoalan ini mahkamah ini perlu melihat semula kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh hakim perbicaraan ketika membebaskan tertuduh dari pertuduhan.

Hakim perbicaraan meragui yang tertuduh telah menerima wang suapan kerana tangkapan hanya dibuat pada 12 Januari 2001 tidak pada hari serahan wang suapan dibuat (11 Januari 2001).

[43] Apa yang jelas ialah tiada undang-undang yang mengatakan tangkapan perlu dibuat sebaik sahaja wang suapan diserahkan. Bilakah sesuatu tangkapan itu wajar dilakukan bergantung kepada keadaan sesuatu kes.

[44] Di sini hakim perbicaraan telah gagal menimbangkan keterangan SP11 (pegawai penyelia kes) yang telah mengarahkan pegawai-pegawainya supaya tidak membuat tangkapan walaupun wang suapan telah diserahkan sehingga permit mengeluarkan pasir dikeluarkan kepada pengadu (SP4). Ini menurutnya bagi menguatkan lagi kes pendakwaan bahawa permit hanya dikeluarkan setelah wang suapan dibayar. Juga untuk mengelakkan permit SP4 tidak ditahan oleh tertuduh.

[45] Dari keterangan SP3 jelas menunjukkan bahawa permohonan perlanjutan tempoh permit mengeluarkan pasir tidak boleh dipertimbangkan tanpa sokongan atau cadangan dari tertuduh kerana ini dalam bidang tugas tertuduh.

[46] Permohonan untuk perlanjutan tempoh permit ini telah dibuat pada 22 November 2000. SP4 telah berkali-kali berjumpa dengan tertuduh dan setiap kali jawapan tertuduh kepadanya ialah 'laporan belum dibuat'. tertuduh telah memberitahu SP4 yang beliau akan membuat surat sokongan dan meminta duit kopi. SP4 menawarkan RM200 ke RM300. Tertuduh menolaknya dengan alasan 'duit itu kanak-kanak beli gula-gula pun tidak cukup'. SP4 menawarkan RM500 pula. Tertuduh menyuruh SP4 menunggu permit.

[47] Pada 10 Januari 2001 lebih kurang 11 pagi tertuduh telah menelefon dan memberitahu SP4 bahawa beliau telah menulis surat sokongan dan minta wang RM1,000 dari SP4. tertuduh telah meminta SP4 datang sendirian (kerana sebelum itu SP4 pernah datang bersama SP8, seorang pegawal BPR yang menyamar sebagai bapa saudara SP4) dan bawa wang tunai bukan cek. tertuduh enggan mengurangkan bayaran RM1,000.

[48] Hakim perbicaraan telah gagal menimbangkan fakta yang amat ketara bahawa permohonan perlanjutan yang telah dikemukakan oleh SP4 sejak 22 November 2000 hanya disokong oleh tertuduh melalui minitnya bertarikh 9 Januari 2001 (exh P11 A) iaitu 9 hari selepas tempoh permit tamat.

[49] tertuduh sendiri dalam pembelaannya mengatakan yang beliau telah menerima fail permohonan SP4 pada 23 November 2000. Beliau bersetuju laporan tersebut boleh dibuat dalam masa satu hari (lihat ms 222 Rekod Rayuan Mahkamah Sesyen).

[50] Apabila ditanya mengapa beliau mengambil masa yang lama untuk membuat laporan tersebut, jawapannya ialah:

> Hujung November hingga akhir Disember saya diarahkan sediakan laporan sasaran kerja iahunan iaitu SKT untuk diri saya sendiri. Ada kerja-kerja lain yang perlu diutamakan seperti fail-fail permohonan keluarkan hakmilik/geran.
>
> (Rujuk m/s 222 Rekod Rayuan Mahkamah Rendah).

[51] Seperti kita semua maklum laporan SKT diri boleh disediakan dalam waktu yang singkat iaitu sehari atau dua hari. Pengeluaran geran atau hakmilik juga tidak begitu mendesak.

[52] Perlanjutan tempoh permit yang akan tamat adalah lebih mendesak dan perlu disegerakan apatah lagi permohonan perlanjutan tempoh permit telah pun dibuat sejak 22 November 2000. Malah SP3 (Ketua Penolong Pegawai Daerah yang kemudiannya meluluskan permohonan SP4 setelah disokong oleh tertuduh) mengatakan laporan yang disediakan oleh tertuduh adalah lewat.

> Q: Oleh kerana permit tamat, ia perlu dibuat dengan cepat dan perlu ditandatangani. Dalam kes ini OKI ambil masa lebih kurang 1 1/2 bulan, adakah ini normal memandangkan permit tamat?
>
> A: Itu adalah lewat.
>
> (Muka surat 42 dan 43 Rekod Rayuan Mahkamah Sesyen).

[53] Tertuduh sendiri mengakui pada pertengahan Disember 2000 beliau telah berjumpa dengan SP2 (pemegang permit) di tapak pasir. tertuduh sendiri mengatakan tapak pasir adalah di tebing sungai sahaja iaitu berdekatan. Sekiranya beliau hendak memeriksa untuk menentukan ada pasir atau tidak pada hari itu beliau boleh berbuat demikian, tetapi beliau tidak melakukannya, (lihat ms 224 Rekod Rayuan Mahkamah Sesyen).

[54] Persoalannya di sini, beliau sudahpun berada di tapak pasir pada pertengahan Disember 2000 dan kerja siasatan boleh dilakukan dalam satu hari sahaja, kenapa siasatan tidak dibuat segera.

[55] tertuduh dalam pembelaannya juga mengatakan sebelum laporan sokongan dibuat, SP4 perlu terlebih dahulu membaik pulih jalan yang telah dirosakkan oleh lori-lori SP4. Isu sebegini penting (sekiranya benar) kenapa tidak diajukan (put to) kepada SP4 semasa SP4 memberi keterangan. Perkara ini juga tidak disentuh dalam laporan tertuduh (exh P11A). Nyata sekali alasan ini hanyalah rekaan tertuduh semata-mata bagi melindungi motifnya melambat-lambatkan penyediaan laporan sokongannya iaitu untuk mendapatkan wang suapan.

[56] Sebaliknya selepas laporan sokongan dibuat pada 9 Januari 2001 (P11 A) dan SP3 membuat minit meluluskan permohonan pada tarikh yang sama (PUB), tertuduh terus menghubungi SP4 pada 10 Januari 2001 meminta wang suapan. Seterusnya surat kelulusan sambung permit ditandatangani oleh SP3 pada 11 Februari 2001. Permit menyambung mengambil bahan-bahan batu (P9) hanya dikeluarkan pada 12 Januari 2001 setelah suapan dibayar pada 11 Januari 2001. Seperti mana yang kita maklumkan kelulusan permit itu bergantung kepada laporan sokongan dari tertuduh.

[57] Kelewatan melampau ini disengajakan oleh tertuduh untuk mengenakan tekanan ke atas SP4 supaya membuat bayaran RM1,000 atau beliau tidak akan menyokong perlanjutan permit SP4. Melihat kepada keseluruhan fakta kes ini, tidak ada cacat celanya atas tindakan pegawai BPR membuat tangkapan sehari selepas wang suapan diserahkan.

Hakim perbicaraan mempersoalkan siapakah yang meletakkan wang suapan dalam motorvan dan siapa yang ada akses atas motorvan tersebut.

[58] SP15, isteri kepada tertuduh dalam soal balas mengatakan pada tengahari 11 Januari 2001 dua orang Ielaki Cina telah datang ke rumahnya untuk melihat motorvan tertuduh dengan tujuan untuk membelinya. Beliau telah menyerahkan kunci motorvan tersebut kepada mereka dan mereka pergi melihat motorvan tersebut tanpa beliau menemani mereka.

[59] Andaian yang dapat dibuat dari keterangan SP15 ialah dua Ielaki Cina ini lah yang telah mendapat akses atas motorvan itu dan mungkin mereka yang telah meletakkan wang perangkap dalam motorvan tersebut. Hakim perbicaraan telah gagal mengambil kira bahawa SP15 adalah saksi yang berkepentingan kerana suaminya menghadapi pertuduhan yang serius. Sekiranya keterangan SP15 diperhalusi terdapat banyak keraguan atas keterangannya.

[60] Tertuduh dalam pembelaan tidak pernah pun menyebut yang beliau ingin menjual motorvan tersebut. Jadi bagaimana dua Ielaki Cina ini tahu

motorvan itu untuk dijual. Adalah tidak munasabah untuk SP5 menyerahkan kunci motorvan kepada dua lelaki Cina yang tidak dikenalinya tanpa mengawasi mereka memeriksa motorvan tersebut selama dua jam. Motorvan tersebut boleh dilarikan oleh mereka. Tiada keterangan dari SP15 mahupun tertuduh siapakah dua lelaki Cina ini?

[61] Walau siapapun dua lelaki Cina ini, mengapa mereka hendak meletakkan wang perangkap dalam motorvan tertuduh. Apakah faedah atau kepentingan dua lelaki Cina itu berbuat demikian? Persoalan ini tidak dijawab oleh pembelaan. Jelas di sini keterangan ini hanyalah rekaan SP15 untuk membantu suaminya terlepas dari pertuduhan.

[62] Keterangan pendakwaan juga menunjukkan tertuduh yang mengeluarkan wang perangkap yang tersimpan di dalam pouch yang diletakkan di sunshield dalam motorvan. Bagaimana tertuduh boleh tahu wang perangkap tersimpan di sunshied itu sekiranya dua lelaki Cina itu yang meletakkan wang tersebut di situ. Ini menunjukkan bahawa tertuduh yang menerima wang suapan dan menyimpannya di situ.

Isu wang perangkap tidak ditemui dari tertuduh tetapi dari motorvan

[63] Tiada undang-undang yang menetapkan bahawa wang suapan mesti dijumpai dari tertuduh baru tertuduh boteh didapati bersalah. Apa yang perlu dibuktikan ialah samaada seorang tertuduh itu telah menerima wang suapan. Di dalam kes *Che Din bin Ahmad v Public Prosecutor* [1976] 1 MLJ 289, walaupun wang perangkap telah ditemui dari seorang saksi pendakwaan dan bukan dari tertuduh, tertuduh telah didapati bersalah dan disabitkan. Menurut Syed Agil Barakbah H, (ketika itu) di ms 290.

> Under the Act it is incumbent on the prosecution to prove, inter alia, that the appellant did actually receive the gratification before the presumption under section 14 that the gratification has been received corruptly is invoked. Then the onus is on the appellant to prove to the contrary according to the principle adopted by the Privy Council in *Public Prosecutor v Yuvaraj*. It is not incumbent on the prosecution to prove that the money was in the possession of the appellant so long as the trial court is satisfied from the evidence that it was the appellant who received the money.

[64] Di dalam kes *Attan bin Abdul Ghani v Public Prosecutor* [1970] 2 MLJ 143, wang perangkap telah dijumpai di dalam longkang, dan Sharma H memutuskan:

> The learned president having found as a fact the sum of RM50 was received by the appellant from PW1, the presumption under s 14 of the Prevention of Corruption Act, 1961 obviously arose in the case. The presumption is that the gratification as

defined in the Act was received corruptly and as an inducement to charge PWI under a lesser charge... Once it is proved that the gratification has been paid or received then in the words of s 14 of the Act 'Such gratification shall be deemed to have been paid or received corruptly...' The presumption at once arises under the section.

[65] Keterangan dari SP4 jelas menunjukkan beliau telah menyerahkan wang perangkap kepada tertuduh di halaman rumah tertuduh di tempat letak kereta. SP6 seorang pegawai BPR yang menyamar sebagai seorang jurujual berjalan sambil membawa kotak di hadapan rumah tertuduh untuk melihat dengan lebih dekat apa yang berlaku. Beliau melihat pengadu menyerahkan wang kepada tertuduh dan tertuduh menerimanya (lihat m/s 92 rekod Rayuan).

[66] SP7 ketika menangkap tertuduh mengatakan tertuduh telah mengambil kunci motorvan dari isterinya dan membuka motorvan dan mengambil satu beg (pouch) dari sunshield motorvannya. Dari pouch itu ditemui wang perangkap. Ini juga disaksikan oleh SP8. Tiada sesiapa akan menyangka atau tahu wang perangkap diletakkan disitu, kecuali tertuduh. Ini adalah relevan di bawah ss 8 ilustrasi (i) dan 27 Akta Keterangan 1950. Seksyen 8 Akta Keterangan memperuntukkan:

Any fact is relevant which shows or constitutes a motive or preparation for any fact in issue or relevant fact.

The conduct of any party, or of any agent to any party, to any suit or proceeding in reference to that suit or proceeding, or in reference to any fact in issue therein or relevant thereto, and the conduct of any person an offence against whom is the subject of any proceeding, is relevant if the conduct influences or is influenced by any fact in issue or relevant fact, and whether it was previous or subsequent thereto. Illustration (i) A, is accused of a crime.

The facts that after the commission of the alleged crime he absconded, or was in possession of property or the proceeds of property acquired by the crime, or attemped to conceal things which were or might have been used in committing it are relevant.

[67] Seksyen 27 Akta keterangan pula memperuntukkan:

When any fact is deposed to as discovered in consequence of information received from a person accused of any offence in the custody of a police officer, so much of that information, whether the information amounts to a confession or not, as relates distinctly to the fact thereby discovered may be proved

[68] Tanpa ditunjukkan oleh tertuduh wang perangkap itu tidak akan ditemui dari motorvan tertuduh. Hanya tertuduh sahaja yang mengetahui wang perangkap itu diletakkan di sunshield motorvannya kerana beliau yang menyimpannya di situ.

[69] Semasa wang perangkap ditemui, motorvan itu berkunci. Fakta ini tidak dinafikan oleh tertuduh. Walaupun motorvan diatas nama SP10, SP10 mengatakan beliau telah menjual motorvan tersebut kepada tertuduh pada 2 Mac 1999 melalui satu surat perjanjian (exh P22). Fakta ini juga tidak dinafikan oleh tertuduh.

Adakah SP4 seorang rakan sejenayah

[70] Keterangan SP4 menunjukkan tertuduh lah yang mula-mula meminta wang suapan. Sebelum itu SP4 tidak pernahpun membuat sebarang tawaran untuk memberi suapan kepada tertuduh bagi menyegerakan laporan tertuduh. Setelah diminta oleh tertuduh barulah tertuduh menawarkan RM200 ke RM300. Itupun ditolak oleh tertuduh kerana beliau mahukan RM1,000. Kemudian SP4 telah membuat laporan kepada pegawai BPR.

[71] Jelas disini tertuduh yang memulakan inisiatif meminta rasuah dan bukannya SP4. Oleh itu SP4 tidak boleh diangap sebagai saksi yang tidak boleh dipercayai (be presumed to be unworthy of the credit), lihat *Abdul Hamid bin Mohamed v Public Prosecutor* [1953] 19 MLJ 26 dan *Yassin bin Bachik lwn Pendakwa Raya* [1994] MLJU 134.

[72] Dalam kes yang dirujukkan ini sekiranya SP4 mahu dianggap sebagai rakan sejenayah, apa yang jelas keterangan beliau telah disokong secukupnya oleh keterangan bebas seperti yang telah saya sentuh sebelum ini.

KESIMPULAN

[73] Apa yang jelas di sini adalah, pembelaan tertuduh hanya berupa penafian semata-mata tanpa apa-apa sokongan ini tidak mencukupi. Dalam kes *Public Prosecutor v Ling Tee Huah* [1982] 2 MLJ 324 telah diputuskan bahawa;

> A mere denial without other proof to reasonably dislodge the prosecution's evidence is not sufficient.
>
> Saya berpuashati bahawa tertuduh telah gagal di atas imbangan kebarangkalian menyangkal (to rebut) andaian di bawah s 42 APR.

[74] Tambahan dalam mitigasinya tertuduh mengatakan beliau kesal dengan perbuatannya dan berjanji tidak akan mengulanginya. Mitigasi ini sudah tentunya dibuat di atas arahan tertuduh kepada peguambelanya. Ini menunjukkan tertuduh mengaku telah melakukan kesalahan tersebut.

[75] Dengan ini rayuan pihak pendakwaan di benarkan. Perintah pelepasan dan pembebasan oleh hakim perbicaraan diketepikan dan tertuduh disabitkan di atas pertuduhan terhadapnya.

HUKUMAN

[76] Rasuah adalah satu kesalahan yang serius yang boleh melemahkan sistem pentadbiran sesuatu jabatan kerajaan dan menghakiskan kepercayaan orang ramai yang berurusan dengan jabatan kerajaan. Gejala rasuah perlu dibendung demi kepentingan awam.

[77] Setelah menimbangkan mitigasi dari tertuduh, mahkamah ini menjatuhkan hukuman 18 bulan penjara dan denda RM5,000 atau enam bulan penjara. Hukuman ini adalah setimpal.

Rayuan dibenarkan.

Reported by Loo Lai Mee